



UMP, MUIP bantu mangsa banjir dalam Gotong-Royong Mahkota Amal

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama beberapa agensi lain membantu memperbaiki 14 rumah mangsa banjir di PPRT Kampung Temai dalam program Gotong-Royong Mahkota Amal anjuran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) di Pekan, Pahang pada 15 Februari 2015 yang lalu.

Kerja-kerja memperbaiki rumah ini dibiayai sepenuhnya pihak MUIP manakala aktiviti gotong-royong dijalankan sukarelawan melibatkan pegawai dan staf daripada Pejabat Daerah Pekan, Majlis Daerah Pekan, Pejabat ADUN Bebar, MUIP dan UMP sendiri.

Dalam program ini, Kebawah Duli yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat mengurniakan sumbangan kewangan kepada mangsa terlibat.

Turut hadir Timbalan Yang di-Pertua MUIP, Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Haji Wan Hassan, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pegawai Daerah Pekan, Dato' Mohd. Fadzli Mohd. Kenali.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, dalam usaha membantu rumah mangsa banjir sukarelawan UMP dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber

Alam (FKASA) membantu menyiapkan kerja-kerja pemasangan dinding dan memperbaiki kerosakan untuk dua rumah mangsa yang terlibat dalam bencana banjir.

"UMP juga membantu menyampaikan sumbangan berbentuk tilam, bantal dan selimut serta peralatan kebersihan dan keperluan harian bagi meringankan beban mangsa banjir. Hanya sebahagian daripada usaha UMP dalam mengumpul sumbangan daripada orang ramai untuk diagihkan kepada mangsa," katanya.

Sementara itu, penghuni rumah, Rahmah Omar, 61 yang mempunyai 11 orang anak melahirkan rasa terharu atas sumbangan yang diterima pihak MUIP dan sukarelawan UMP yang membantu memperbaiki rumah mereka.

Begitu juga dengan jiran beliau, Fatimah Jaafar, 60 yang berbangga dengan kesudian pelbagai pihak hadir menghulurkan bantuan dan sumbangan yang tidak putus-putus sejak bencana menimpa.

Hadir sama dalam Gotong-royong Mahkota Amal, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fadzil Mat Yahaya dan Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Fazia Ali yang turut turun padang menayakan program.